

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 17 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 12

Pecahan permohonan Skim MyDeposit 2018



JUMLAH PERMOHONAN

6,298

PECAHAN MENGIKUT HARGA RUMAH

Bawah RM100,000

230 pemohon (3.65%)

RM101,000 - RM200,000

978 (15.53%)

RM201,000 - RM300,000

1,791 (28.44%)

RM301,000 - RM400,000

1,772 (28.14%)

RM401,000 - RM500,000

1,382 (21.94%)

Lebih RM501,000

108 (1.71%)

## Pemilihan pemohon MyDeposit dijamin telus

MELAKA 16 Dis. - Kerajaan memberi jaminan pemilihan pembeli rumah yang layak menerima Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) bagi tahun depan akan dijalankan secara telus dan adil tanpa mengira fahaman politik pemohon.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohd. Sadique berkata, sebuah jawatankuasa khas telah ditubuhkan bagi membuat semakan ke atas semua permohonan itu dan jawatankuasa tersebut akan membuat penilaian pemohon yang memenuhi syarat-syarat ditetapkan.

"Jawatankuasa ini akan berperanan menyemak kelayakan pemohon skim pembiayaan ini berdasarkan kepada kelayakan mereka. Ketelusan (pemilihan ini) akan berlaku di mana tiada pilih kasih iaitu hanya beri kepada pemohon dari negeri dikuasai BN (Barisan Nasional) sahaja tetapi negeri pembangkang tidak ada.

"Permohonan skim MyDeposit ini terbuka kepada semua rakyat



MUHAMMAD ASYRAF ISHAK (tengah) beramah mesra dengan Halimah Mohd. Sadique dan Ketua Pegawai Eksekutif Kolej Antarabangsa Yayasan Melaka (KAYM), Datuk Saroni Juni sempena Majlis Konvokesyen KAYM Ke-15 di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka, semalam. - MINGGUAN/SUFFIAN ABU BAKAR

Malaysia berusia 21 tahun ke atas yang belum memiliki rumah pertama dan mereka yang belum berbuat demikian boleh memohon mulai sekarang," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Konvokesyen Kolej Antarabangsa

Yayasan Melaka (KAYM) kali ke-15 di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh di sini hari ini.

Kerajaan sebelum ini mengumumkan permohonan skim pembiayaan MyDeposit bagi tahun depan dibuka mulai semalam se-

hingga 15 Februari 2018 dan orang ramai boleh membuat permohonan tersebut dalam talian iaitu [sprn.kpkt.gov.my](http://sprn.kpkt.gov.my).

Skim yang dilancarkan sejak 6 April tahun lalu itu bertujuan bagi membantu golongan pertengahan (M40) untuk memiliki rumah pertama berharga bawah RM500,000 kepada pembeli berusia 21 tahun ke atas dengan pendapatan isi rumah antara RM3,000 hingga RM15,000 sebulan.

Halimah ketika menjawab soalan Senator Datuk Abidullah Salleh mengenai Skim MyDeposit dalam sesi soal jawab di Dewan Negara kelmarin memberitahu, skim ini merupakan pembelian rumah di bawah projek perumahan swasta yang tidak mendapat sebarang dana, subsidi atau insentif daripada mana-mana pihak.

Mengulas lanjut, beliau berkata, peluang membayar deposit pembelian rumah pertama itu perlu direbut oleh rakyat negara ini kerana kerajaan menyediakan dana yang terhad iaitu RM10 juta pada tahun 2016, diikuti RM20 juta pada tahun

ini dan ianya ditingkatkan kepada RM25 juta mulai tahun hadapan.

"Ada yang bertanya kepada saya cukupkah jumlah peruntukan tersebut (RM25 juta), jika diikutkan berdasarkan kadar itu memang ia tidak mencukupi untuk membantu semua rakyat tetapi sekurang-kurangnya kerajaan berusaha membantu meringankan pembeli rumah pertama khususnya golongan pertengahan," katanya.

Sementara itu, sebanyak 839 pelajar KAYM menerima ijazah, diploma dan sijil masing-masing pada majlis konvokesyen kolej universiti tersebut dalam pelbagai jurusan pengajian yang ditawarkan KAYM sejak mula beroperasi lebih 20 tahun.

Dalam majlis itu, wartawan penyiaran Radio Televisyen Malaysia (RTM) Melaka, Muhammad Asyraf Ishak, 22, yang merupakan pelajar Diploma Teknologi Media diumumkan sebagai penerima Anugerah Emas Cemerlang KAYM 2017 atas kejayaan beliau dalam bidang akademik dan penglibatannya dalam bidang kokurikulum.